



Jurnal Afaq Lughawiyah
Universiti Sultan Zainal Abidin
مجلة آفاق لغوية - جامعة السلطان زين العابدين

ANALISIS KEPERLUAN IBU BAPA TERHADAP PEMBELAJARAN KELAS AL-QURAN DAN FARDU AIN (KAFA) SECARA PENDEKATAN *HOMESCHOOLING* UNTUK MURID SEKOLAH RENDAH

[THE NEEDS ANALYSIS OF PARENTS FOR LEARNING AL-QURAN AND FARDU AIN (KAFA) CLASSES THROUGH *HOMESCHOOLING* FOR PRIMARY SCHOOL STUDENTS]

Norhayati Che Hat^{1*}, Zaharah Hussin², Norasyikin Osman³, Siti Salwa Mohd
Noor⁴, Nurazan Mohmad Rouyan⁵ & Wan Nur Izzati Hazwani Kashfi⁶

^{1,3,4,5,6} Fakulti Bahasa Dan Komunikasi, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus
Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

² Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Malaysia

* Corresponding Author: norhayatich@unisza.edu.my

Received:

Accepted: 29/7/2024

Published: 31/8/2024

Abstrak

Pelaksanaan pembelajaran kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) selama tiga dekad telah memperlihatkan pelbagai permasalahan khususnya dari aspek keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Antaranya ialah aspek pelaksanaan strategi dan kaedah pengajaran guru, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), penggunaan sumber berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), serta profesionalisme guru. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran KAFA melalui pendekatan *homeschooling* untuk murid sekolah rendah di Terengganu. Bagi mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap KAFA, pendekatan analisis keperluan telah dijalankan yang merangkumi tiga aspek iaitu; persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA, tahap penguasaan murid terhadap mata pelajaran KAFA dan keperluan terhadap pelaksanaan KAFA melalui *homeschooling*. Satu soal selidik skala likert-5 telah disebarkan kepada 86 orang ibu bapa bagi murid sekolah rendah yang mengikuti KAFA di sekitar negeri Terengganu. Data kajian dianalisis melalui perisian komputer *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 29.0 bagi melihat min, kekerapan dan peratus persetujuan responden kajian. Hasil kajian menunjukkan persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA adalah pada tahap yang tinggi (Min=4.27, SP=0.57), di samping tahap penguasaan murid terhadap mata pelajaran KAFA

yang turut memperolehi tahap min yang tinggi (Min=4.06, SP=0.58). Manakala hasil kajian menunjukkan tahap sederhana tinggi terhadap keperluan pelaksanaan KAFA melalui *homeschooling* (Min=3.40, SP=0.74). Implikasi utama kajian ini adalah untuk menyediakan maklumat awal dalam mengenal pasti keperluan terhadap pembangunan model *homeschooling* kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) untuk murid sekolah rendah.

Kata kunci: al-Quran dan Fardu Ain (KAFA), pembelajaran, *homeschooling*, persepsi, murid sekolah rendah

Abstract

The implementation of al-Quran and Fardu Ain (KAFA) class learning for three decades has shown various flaws and problems, especially from the aspect of teaching and learning effectiveness (PdP) in the classroom. Among them are aspects of the implementation of teachers' teaching strategies and methods, the use of teaching aids, the use of resources based on information and communication technology (ICT), as well as teacher professionalism. This study intends to identify the needs analysis of parents for learning KAFA classes through homeschooling method for primary school students. Needs analysis is examined on three aspects, as follows: (i) perception of parents towards KAFA; (ii) student's ability in KAFA's subjects and (iii) the needs of homeschooling for KAFA class. Data collection was done through a quantitative design with a sampling of 86 parents. A list of five-point Likert questionnaires was provided for data collection according to the needs analysis aspects. The data obtained was analyzed through the computer software Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 29.0.1.0 to see the mean and percentage of the study. Data findings suggest on (i) parents' perception were at a high level towards KAFA class (M=4.27, SD=0.57), (ii) students' ability in KAFA's subjects were also at a high level (M=4.06, SD=0.58), and (iii) parents showed a moderately high tendency towards the needs of homeschooling for KAFA class (M=3.40, SD=0.74). The main purpose of this study is to be able to provide preliminary information about the need to provide a homeschooling model of al-Quran and Fardu Ain (KAFA) classes for primary school students.

Keywords: al-Quran and Fardu Ain (KAFA) class, learning, homeschooling, perception, primary school students

Cite as: Che Hat, N., Hussin, Z., Osman, N., Noor, S.S.M., Rouyan, N.M, Kashfi, W.N.I.H. (2024). Analisis Keperluan Ibu Bapa Terhadap Pembelajaran Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) Secara Pendekatan Homeschooling untuk Murid Sekolah Rendah. *Afaq Lughawiyah*, 2(2), 298-319. <https://doi.org/10.37231/afaq.2024.2.2.122>

© Penerbit Universiti Sultan Zainal Abidin, 2026. This work is licensed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY) (<http://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

PENDAHULUAN

Homeschooling atau pendidikan di rumah semakin mendapat perhatian dan berkembang pantas dalam kalangan ibu bapa di Malaysia. *Homeschooling* merupakan alternatif pendidikan yang berlaku berlatarkan suasana di rumah dengan bimbingan ibu bapa atau penjaga serta menggunakan pelbagai sumber pelajaran. Alternatif ini menjadi pilihan bagi kebanyakan ibu bapa yang ingin mendidik dan membentuk

perkembangan dan pengetahuan anak-anak mereka, di samping mengekalkan nilai kepercayaan dalam keluarga masing-masing (Ray, 2000; Kim-Soon et al., 2015).

Konsep pembelajaran di rumah bukanlah sesuatu yang baharu, malah ia telah lama dipraktikkan secara tidak langsung bermula pada tahap kanak-kanak mula mengenal huruf. Hal ini kerana, proses pembelajaran atau pendidikan yang berlaku secara tidak langsung di rumah memainkan peranan utama dalam membentuk karakter dan peribadi seorang kanak-kanak. Justeru, sekolah bukan satu-satunya institusi yang membolehkan kanak-kanak menerima pendidikan, walaupun masyarakat meletakkannya sebagai model pendidikan utama (Jilhadi et al., 2022; Mahmud & Ali, 2018). Malah, pendidikan alternatif *homeschooling* dilihat mampu memberi kelebihan yang sama setanding dengan persekolahan konvensional biasa. Menurut kajian Mahmud dan Ali (2018), *homeschooling* dilihat mempengaruhi pendidikan kanak-kanak sebanyak 30%, di samping pengaruh pendidikan berasaskan sekolah juga sebanyak 30%, tambahan pula komuniti masing-masing turut mempengaruhi sebanyak 30% dan lebih 10% adalah dipengaruhi oleh perkembangan istimewa mereka. *Homeschooling* juga berpotensi untuk mengembangkan bakat dan kemahiran anak-anak, serta membentuk jati diri mereka sesuai dengan perwatakan dan keadaan psikologi anak (Purwaningsih & Fauziah, 2020).

Situasi pandemik Covid-19 beberapa tahun kebelakangan ini telah memperlihatkan peranan *homeschooling* sebagai sebuah pilihan pendidikan yang vital dalam meneruskan pendidikan anak-anak. Kemunculan wabak pandemik tersebut telah memberi banyak kesan dan perubahan dalam dinamik sistem pendidikan negara, khususnya kurikulum kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA). Hal ini dapat dilihat melalui pembelajaran dan pengajaran di rumah (PdPR) yang menjadi keutamaan setelah sistem persekolahan mengambil pendekatan pembelajaran secara atas talian (*online learning*) semasa penularan wabak Covid-19.

Maka, konsep pembelajaran di rumah dilihat dapat menyediakan sebuah alternatif yang berkesan terhadap KAFA kerana prinsip utama pendidikan ini adalah berteraskan keluarga. Melihat kepada peranan keluarga sebagai institusi utama dalam pendidikan, ibu bapa atau penjaga seharusnya berusaha mengadaptasikan sebuah suasana pembelajaran Islam yang sebenar, serta mengikut akidah Islam yang sebetulnya di rumah. Justeru, pelaksanaan KAFA melalui pendekatan *homeschooling* dapat memberikan banyak kelebihan dan kebaikan untuk kehidupan keluarga Islam. Malah, perkembangan teknologi kini turut membuka ruang bagi murid untuk memanfaatkannya dalam bentuk aplikasi pendidikan secara atas talian.

KAJIAN LITERATUR

Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) merupakan pendidikan agama peringkat rendah berkesinambungan daripada pengajian Fardu 'Ain yang wajib dituntut oleh seseorang individu Muslim (Shafie & Talib, 2016). Tujuannya adalah untuk memperkasakan pelaksanaan pendidikan Islam yang sedia ada di bawah sistem pendidikan kebangsaan. Falsafah pelaksanaan KAFA ini adalah satu usaha untuk

mendidik dan membentuk murid ke arah perkembangan fitrah insani selaras dengan kehendak al-Quran dan al-Sunnah, agar dapat melahirkan manusia yang berpegang kuat iman dan amalnya terhadap ajaran al-Quran dan al-Sunnah, menghayati akhlak dan mengamalkan cara hidup Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2022).

Pelaksanaan KAFA ini memberi penekanan terhadap penerapan dan pengukuhan pendidikan agama secara amali dan penguasaan bacaan al-Quran secara bertajwid, di samping penekanan terhadap penguasaan dalam kemahiran menulis dan membaca Jawi. Bentuk pendidikan agama tambahan ini dilaksanakan secara seragam di seluruh negara bermula pada tahun 1990 di bawah Pihak Berkuasa Agama Negeri-negeri yang diselaraskan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Fokus pelaksanaannya adalah terhadap murid sekolah rendah tahun satu hingga enam di sekolah kebangsaan, bersamaan dengan kanak-kanak Islam yang berumur bermula 7 hingga 12 tahun. Terdapat lapan subjek utama dalam kurikulum KAFA iaitu al-Quran, akidah, ibadah, sirah, adab, bahasa Arab, jawi dan khat, serta tahfiz al-Quran.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah menyusun dasar dan peraturan bagi Pelaksanaan KAFA secara tahunan sebagai garis panduan dan bimbingan pelaksanaan KAFA di negara ini. Hal ini adalah untuk memastikan program KAFA diimplementasikan dengan lebih berkesan dan efisien. Di samping itu, KAFA menyediakan masa minimanya selama 360 minit seminggu dengan tiga hari persekolahan, bersamaan dengan tiga puluh enam jam sebulan. Implementasi KAFA ini tidak hanya terhad di sekolah rendah kebangsaan dan sekolah agama, malah ianya turut dijalankan di pelbagai tempat seperti masjid, surau, dewan atau balai raya, serta secara persendirian di rumah dan bangunan.

Pelaksanaan pengajian KAFA selama tiga dekad ini telah memperlihatkan pelbagai kepincangan dan permasalahan terutamanya dari sudut keberkesanan pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bilik darjah. Antaranya ialah aspek pelaksanaan strategi dan kaedah pengajaran guru, penggunaan bahan bantu mengajar (BBM), penggunaan sumber berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), serta profesionalisme guru (Shafie & Talib, 2016; Abdul Hadi et al., 2018; Mohd Nor et al., 2021; Mat Dan et al., 2023). Menurut Shafie & Talib (2016), keberkesanan PdP pengajian KAFA dilihat masih di tahap yang rendah dan masih belum mencapai aspirasi dan matlamat untuk memantapkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Selain itu, kajian Hashim et al. (2017) menyatakan bahawa murid KAFA masih tidak mampu untuk menguasai kemahiran asas seperti membaca al-Quran dengan tajwid yang betul, melaksanakan solat dan sebagainya. Manakala, Norhisham et al. (2019) dalam kajiannya mendapati pemilihan kaedah pembelajaran yang dilaksanakan dalam kelas kurang memberi kesan terhadap penguasaan bacaan al-Quran dalam kalangan murid walaupun mereka telah diajar selama enam tahun semasa KAFA. Situasi ini berpunca daripada faktor kekangan masa yang diperuntukkan serta pemilihan kaedah dan bahan bantu mengajar yang kurang berkesan.

Selain itu, antara subjek yang mendapat perhatian dalam pelaksanaan KAFA adalah bahasa Arab. Bahasa Arab merupakan bahasa perantara yang digunakan dalam sesi pembelajaran bagi kebanyakan subjek KAFA contohnya penggunaan bahasa Arab dalam doa-doa harian, bacaan-bacaan dalam ibadah solat, serta sebutan ungkapan-ungkapan harian dalam kelas. Oleh itu, tidak dinafikan bahawa peranan bahasa Arab dalam pelaksanaan KAFA adalah unik dan sangat penting terhadap perkembangan kemajuan murid-murid KAFA (Rasdi et al., 2016; Mohamad Yusof et al., 2023).

Pembelajaran bahasa Arab KAFA juga turut menghadapi permasalahan disebabkan oleh sifat semula jadi perkataan dan frasa dalam bahasa ini sebagai bahasa asing atau bahasa ketiga. Pada masa yang sama, bahan bantu mengajar yang digunakan semasa sesi pembelajaran bahasa Arab juga kurang berkesan dan tidak mempunyai daya tarikan yang tinggi. Oleh yang demikian, situasi ini telah mengakibatkan murid-murid KAFA untuk hilang minat dan motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab KAFA (Liono et al., 2021; Mohamad Yusof et al., 2023).

Oleh yang demikian, merujuk kepada permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan pendidikan KAFA, kajian ini berhasrat untuk mencadangkan pelaksanaan KAFA secara *homeschooling* sebagai satu bentuk alternatif di samping memperkembangkan sebuah kurikulum KAFA dalam memastikan usaha dan aspirasi JAKIM membuahkan hasil seiring dengan matlamat Falsafah Pendidikan Islam KPM.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan. Tujuan utama penyelidikan ini adalah untuk mengenal pasti persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran KAFA melalui kaedah pembelajaran di rumah atau *homeschooling* untuk murid sekolah rendah. Analisis keperluan ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui tinjauan soal selidik yang disebar kepada 86 orang ibu bapa bagi murid sekolah rendah yang mengikuti KAFA di negeri Terengganu. Kajian ini adalah berdasarkan pendekatan kajian reka bentuk dan pembangunan Richey & Klein (2007), yang berlandaskan tiga fasa pelaksanaan kajian. Fasa-fasa tersebut merangkumi analisis keperluan, seterusnya reka bentuk dan pembangunan serta fasa terakhir adalah pelaksanaan dan penilaian. Perbincangan dalam kajian ini hanya difokuskan terhadap keperluan pembangunan model *homeschooling* dalam fasa analisis keperluan, serta hanya melibatkan responden ibu bapa bagi murid sekolah rendah yang mengikuti KAFA di sekolah-sekolah terpilih di Terengganu.

Borang soal selidik yang diedarkan mengandungi tiga konstruk, iaitu; persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA, tahap penguasaan murid terhadap mata pelajaran KAFA dan keperluan terhadap pelaksanaan KAFA melalui *homeschooling*. Setelah borang soal selidik dilengkapkan oleh ibu bapa, hasil kajian dianalisis secara deskriptif melalui perisian komputer *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 21.0. Dapatan juga dibentangkan secara deskriptif untuk melihat nilai min dan sisihan piawai bagi setiap konstruk. Skor pengiraan adalah berdasarkan skala 5-likert, iaitu 1= Sangat Tidak Setuju, 2= Tidak Setuju, 3= Tidak Pasti, 4= Setuju dan 5= Sangat Setuju.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Hasil analisis data diinterpretasikan berdasarkan interpretasi skor min oleh Nunally (1978) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Nunally (1978)

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00-2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana Rendah
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
4.01-5.00	Tinggi

a) Demografi Responden Kajian

Maklumat demografi ibu bapa yang dianalisis adalah jantina, umur, pendapatan dan tahap pendidikan, berikut adalah dapatan analisis berkaitan demografi responden kajian.

Jadual 2: Analisis Demografi Ibu Bapa

Kategori demografi	Kekerapan	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	11	12.8
Perempuan	75	87.2
Umur		
22 hingga 35 tahun	11	12.8
36 hingga 49 tahun	69	80.2
50 hingga 55 tahun	4	4.7
56 tahun ke atas	2	2.3
Pendapatan		
Kurang RM2500	17	19.8
RM2501 – RM3200	12	14.0
RM3201 – RM4000	4	4.7
RM4001 – RM5000	5	5.8
RM5001 ke atas	48	55.8
Tahap pendidikan		
Sekolah rendah	1	1.2
Sekolah menengah	30	34.9
Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Kedokteran	48	55.8
Lain-lain	7	8.1
N=86		

Jadual 2 menunjukkan hasil analisis bagi demografi responden kajian ini. Daripada jumlah 86 orang responden kajian, dapatan kajian merekodkan seramai 75 orang (87.2%) adalah terdiri daripada ibu atau penjaga wanita dan hanya 11 orang (12.8%) adalah terdiri daripada bapa atau penjaga lelaki. Ini menunjukkan bahawa majoriti responden yang terlibat adalah ibu atau penjaga wanita bagi murid KAFA. Manakala berdasarkan kategori umur, hasil kajian merekodkan seramai 69 orang (80.2%) daripada ibu bapa atau penjaga bagi murid KAFA adalah dalam lingkungan umur antara 36 hingga 49 tahun menjadikan kategori ini majoriti responden dalam kajian ini. Seterusnya, diikuti oleh ibu bapa atau penjaga bagi murid KAFA yang berumur dalam lingkungan 22 hingga 35 tahun iaitu seramai 11 orang (12.8%). Manakala bagi ibu bapa atau penjaga bagi murid KAFA yang berumur dalam lingkungan 50 hingga 55 tahun ialah seramai 4 orang (4.7%) dan ibu bapa atau penjaga bagi murid KAFA yang berumur 56 tahun ke atas ialah seramai 2 orang (2.3%) sahaja.

Seterusnya, dari sudut pendapatan, responden yang mempunyai pendapatan isi rumah kurang RM2500 ialah seramai 17 orang (19.8%), seterusnya pendapatan isi rumah RM2501-RM3200 ialah seramai 12 orang (14.0%). Manakala, bagi pendapatan isi rumah RM3201-RM4000 ialah seramai 4 orang (4.7%) dan bagi pendapatan isi rumah RM4001-RM5000 ialah seramai 5 orang (5.8%). Bagi pendapatan isi rumah sebulan RM5000 ke atas ialah seramai 48 orang (55.8%). Ini menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pendapatan sebulan sebanyak RM5000 ke atas iaitu seramai 48 orang (55.8%), diikuti pendapatan isi rumah kurang RM2500 seramai 17 orang (19.8%).

Berdasarkan taraf pendidikan, hasil kajian menunjukkan majoriti responden adalah terdiri daripada pemegang Ijazah Sarjana Muda atau Sarjana atau Doktor iaitu seramai 48 orang (55.8%), diikuti oleh lepasan Sekolah Menengah iaitu seramai 30 orang (34.9%). Seterusnya, bagi lepasan Sekolah Rendah ialah seramai 1 orang (1.2%) sahaja dan seramai 7 orang (8.1%) responden tergolong dalam kategori lain-lain tahap pendidikan tertinggi.

Seterusnya, dapatan soal selidik analisis keperluan terhadap pembangunan model *homeschooling* KAFA untuk murid sekolah rendah difokuskan kepada tiga konstruk utama iaitu, persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA, tahap penguasaan murid terhadap mata pelajaran KAFA dan keperluan terhadap pelaksanaan KAFA melalui *homeschooling*.

PERSEPSI IBU BAPA TERHADAP PELAKSANAAN KAFA

Konstruk pertama berfokus kepada pandangan ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA. Terdapat 15 item yang telah disenaraikan dalam konstruk ini.

Jadual 3: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Persepsi Ibu bapa Terhadap Pelaksanaan KAFA (n=86)

No.	Penyataan	Kekerapan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS			

B1	KAFA sesuai dari segi waktu kelas iaitu jam 2.30 – 5.30 petang.	5 5.8%	22 25.6%	10 11.6%	30 34.9%	19 22.1%	3.42	1.251	Sederhana Tinggi
B2	KAFA sesuai dari segi tempoh belajar selama 3 jam sehari.	4 4.7%	11 12.8%	5 5.8%	41 47.7%	25 29.1%	3.84	1.126	Sederhana Tinggi
B3	KAFA sesuai dari segi bilangan mata pelajaran KAFA sebanyak 8 mata pelajaran.	3 3.5%	3 3.5%	7 8.1%	43 50%	30 34.9%	4.09	.941	Tinggi
B4	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran al-Quran.	1 1.2%	0 0%	1 1.2%	34 39.5%	50 58.1%	4.53	.645	Tinggi
B5	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Ulum Syariah (Aqidah & Ibadah)	1 1.2%	0 0%	1 1.2%	34 39.5%	50 58.1%	4.53	.645	Tinggi
B6	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Sirah	1 1.2%	2 2.3%	0 0%	32 37.2%	51 59.3%	4.51	.732	Tinggi
B7	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Adab (Akhlak Islamiyyah)	1 1.2%	1 1.2%	1 1.2%	33 38.4%	50 58.1%	4.51	.699	Tinggi
B8	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Jawi & Khat	1 1.2%	2 2.3%	5 5.8%	32 37.2%	46 53.5%	4.40	.801	Tinggi
B9	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Asas Lughatul Quran	1 1.2%	2 2.3%	2 2.3%	31 36%	50 58.1%	4.48	.763	Tinggi
B10	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Penghayatan Cara hidup Islam	1 1.2%	1 1.2%	1 1.2%	33 38.4%	50 58.1%	4.51	.699	Tinggi
B11	KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Amali Solat	1 1.2%	1 1.2%	0 0%	24 27.9%	60 69.8%	4.64	.667	Tinggi

B12	KAFA sesuai dari segi keselesaian tempat belajar	1 1.2%	5 5.8%	5 5.8%	41 47.7%	34 39.5%	4.19	.875	Tinggi
B13	KAFA sesuai dari segi jarak antara rumah dengan tempat belajar.	2 2.3%	5 5.8%	7 8.1%	38 44.2%	34 39.5%	4.13	.955	Tinggi
B14	KAFA sesuai dari segi buku teks yang disediakan.	2 2.3%	2 2.3%	5 5.8%	45 52.3%	32 37.2%	4.20	.838	Tinggi
B15	KAFA sesuai dari segi buku aktiviti yang disediakan.	2 2.3%	2 2.3%	9 10.5%	44 51.2%	29 33.7%	4.12	.860	Tinggi
Keseluruhan							4.27	0.578	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan taburan kekerapan dan skor min bagi konstruk persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA (n=86). Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa interpretasi skor min keseluruhan adalah pada tahap tinggi iaitu 4.27, dengan sisihan piawai 0.578. Berdasarkan Jadual 3, dapatan menunjukkan hampir keseluruhan item iaitu 13 daripada 15 item memperolehi skor min pada tahap tinggi, manakala item selebihnya adalah pada tahap sederhana tinggi. Dapatan juga merekodkan item B11 iaitu 'KAFA sesuai dari segi kandungan mata pelajaran Amali Solat' memperolehi min yang tertinggi bagi persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA (Min=4.64, SP=0.667) dengan peratus ibu bapa bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 97.7% (84 orang).

Manakala dapatan merekodkan item yang memperolehi nilai min paling rendah bagi konstruk ini adalah item B1 'KAFA sesuai dari segi waktu kelas iaitu jam 2.30 - 5.30 petang' (Min = 3.42, SP = 1.251) dengan peratus ibu bapa bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 57% (49 orang). Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan konstruk persepsi ibu bapa terhadap pelaksanaan KAFA adalah berada pada tahap yang tinggi.

Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa secara keseluruhannya ibu bapa adalah berpuas hati dengan pelaksanaan KAFA dari segi kandungan, manakala bilangan mata pelajaran KAFA adalah sesuai dengan tahap murid. Dapatan kajian juga merekodkan bahawa KAFA sesuai dari segi keselesaian dan jarak tempat belajar, serta buku teks dan buku aktiviti yang disediakan.

Namun begitu, kajian turut mendapati waktu pelaksanaan KAFA iaitu bermula jam 2.30 hingga 5.30 petang dilihat tidak bersesuaian. Hal ini menunjukkan bahawa penetapan sesi pembelajaran KAFA pada waktu petang mendatangkan kesan negatif kepada murid KAFA. Faktor waktu pengajaran KAFA yang berlaku pada waktu petang menyebabkan minat murid berkurangan serta tahap fokus mereka menurun dalam aktiviti PdP KAFA. Pada masa yang sama, murid menjadi serba salah untuk menghadiri KAFA kerana terdapat aktiviti kokurikulum, sukan dan kelas tambahan yang diadakan pada waktu tersebut (Othman et al., 2023). Hal ini

mengakibatkan masalah ketidakhadiran murid ke KAFA atau terpaksa hadir dalam masa yang singkat kerana pertembungan aktiviti-aktiviti tersebut (Zainol et al., 2017).

Berdasarkan dapatan kajian, beberapa aspek adalah perlu diberi perhatian terutamanya dalam mempelbagaikan kaedah serta gaya pengajaran dan pembelajaran dalam PdP KAFA, agar dapat menambah minat murid dan menarik daya fokus mereka. Selain itu, masalah waktu pelaksanaan KAFA boleh diatasi dengan pembelajaran KAFA secara *homeschooling*.

TAHAP PENGUASAAN MURID BAGI MATA PELAJARAN KAFA

Selain persepsi ibu bapa terhadap KAFA, tahap penguasaan murid bagi mata pelajaran KAFA turut dianalisis. Terdapat 13 item yang telah disenaraikan dalam konstruk tahap penguasaan murid bagi mata pelajaran KAFA.

Jadual 4: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Tahap Penguasaan Murid Bagi Mata Pelajaran KAFA (n=86)

No.	Penyataan	Kekerapan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS			
C1	Murid dapat membaca Jawi.	0 0%	6 7%	10 11.6%	42 48.8%	28 32.6%	4.07	.851	Tinggi
C2	Murid dapat menulis Jawi.	0 0%	5 5.8%	17 19.8%	42 48.8%	22 25.6%	3.94	.831	Sederhana Tinggi
C3	Murid dapat membaca al-Quran.	0 0%	0 0%	8 9.3%	48 55.8%	30 34.9%	4.26	.617	Tinggi
C4	Murid dapat menguasai Al-Quran	0 0%	4 4.7%	12 14%	49 57%	21 24.4%	4.01	.759	Tinggi
C5	Murid dapat menguasai Ulum Syariah (Aqidah & Ibadah)	0 0%	4 4.7%	12 14%	49 57%	21 24.4%	4.01	.759	Tinggi
C6	Murid dapat menguasai Sirah	0 0%	5 5.8%	14 16.3%	50 58.1%	17 19.8%	3.92	.770	Sederhana Tinggi
C7	Murid dapat menguasai Adab (Akhlak Islamiyah)	0 0%	1 1.2%	9 10.5%	49 57%	27 31.4%	4.19	.660	Tinggi
C8	Murid dapat menguasai Jawi & Khat	0 0%	4 4.7%	20 23.3%	44 51.2%	18 20.9%	3.88	.788	Sederhana Tinggi
C9	Murid dapat menguasai Asas Lughatul Quran	0 0%	4 4.7%	12 14%	51 59.3%	19 22.1%	3.99	.744	Sederhana Tinggi

C10	Murid dapat menguasai Penghayatan Cara Hidup Islam	0 0%	1 1.2%	7 8.1%	55 64%	23 26.7%	4.16	.611	Tinggi
C11	Murid dapat menguasai Amali Solat	0 0%	1 1.2%	9 10.5%	45 52.3%	31 36%	4.23	.680	Tinggi
C12	Murid dapat menguasai mata pelajaran KAFA disebabkan kerap hadir ke sekolah	1 1.2%	2 2.3%	9 10.5%	45 52.3%	29 33.7%	4.15	.790	Tinggi
C13	Murid dapat menguasai mata pelajaran KAFA disebabkan kecukupan bahan bantu mengajar	0 0%	5 5.8%	15 17.4%	41 47.7%	25 29.1%	4.00	.840	Tinggi
Keseluruhan							4.06	0.583	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan taburan kekerapan dan skor min bagi konstruk tahap penguasaan murid bagi mata pelajaran KAFA (n=86). Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa interpretasi skor min keseluruhan adalah pada tahap tinggi iaitu 4.06 dengan sisihan piawai 0.583. Menurut jadual 4, hampir keseluruhan item iaitu 9 daripada 13 item juga memperolehi skor min pada tahap tinggi, manakala item selebihnya berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan menunjukkan bahawa min yang paling tertinggi bagi konstruk ini ialah item C3 iaitu 'Murid dapat membaca al-Quran' (Min=4.26, SP=0.617) dengan peratus ibu bapa bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 90.7% (78 orang).

Manakala dapatan merekodkan item C8 iaitu 'Murid dapat menguasai Jawi & Khat' (Min=3.88, SP=0.788) memperolehi min yang paling rendah bagi tahap penguasaan murid bagi mata pelajaran KAFA dengan peratus ibu bapa bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 72.1% (62 orang). Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan konstruk tahap penguasaan murid bagi mata pelajaran KAFA adalah berada pada tahap yang tinggi.

Hasil analisis ini menunjukkan terdapat perbezaan di antara item yang berkaitan dengan kebolehan murid dan item berkaitan dengan penguasaan murid. Majoriti item dalam konstruk ini menunjukkan bahawa tahap penguasaan murid dalam mata pelajaran KAFA adalah berada pada paras sederhana. Murid boleh membaca dan menulis al-Quran dan Jawi, namun penguasaan murid terutamanya dalam mata pelajaran Sirah, Jawi dan Khat serta asas Lughatul Quran atau bahasa Arab masih berada di tahap sederhana. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Jamriy (2016) yang menyatakan bahawa ketidakupayaan penguasaan Jawi dalam KAFA

sering menjadi perbincangan terutamanya melihat kepada perkembangan penguasaan Jawi pada masa kini.

Selain itu, hasil dapatan juga turut memperlihatkan aspek kehadiran murid ke sekolah dan kecukupan BBM menurut pandangan ibu bapa adalah penting untuk murid dalam menguasai pembelajaran KAFA. Walaupun begitu, terdapat segelintir kelompok masyarakat yang merasakan pendidikan KAFA tidak sepenting pendidikan lain yang lebih utama kerana ia merupakan pilihan dan tidak diwajibkan untuk murid mengikutinya. Malah, wujud juga segelintir ibu bapa dan penjaga yang tidak menitikberatkan kehadiran anak-anak mereka ke KAFA (Umar et al., 2016; Abdul Hadi et al., 2018). Hal ini boleh menyebabkan motivasi murid berkurang serta mendorong mereka untuk lewat hadir, malah ada yang ponteng dan enggan hadir ke KAFA.

Dapatan ini juga selari dengan kajian Che Ros et al. (2022) yang menyatakan bahawa BBM yang digunakan oleh guru adalah platform untuk memudahkan guru memberi kefahaman kepada murid dalam pengajarannya. Guru boleh mengaplikasikan bahan bantu mengajar yang dapat menyumbang kepada pengajaran yang lebih menarik dan dapat menimbulkan minat pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. (Che Ros et al., 2022). Selain bahan bantu mengajar, penglibatan teknologi melalui BBM juga perlu dipergiatkan kerana ia mampu memberi impak yang positif terhadap pengajaran guru dan pembelajaran murid (Mat Dan et al., 2023).

Pada masa yang sama, kaedah dan pendekatan pengajaran yang digunakan oleh guru juga perlu dipelbagaikan. Hal ini adalah supaya mengelakkan daripada murid merasa bosan dan kurang aktif dalam KAFA kerana pemilihan pendekatan pengajaran guru yang bersifat tradisional (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2018). Hal ini kerana pembelajaran yang berkesan dapat dihasilkan sekiranya guru mengetahui kaedah yang sesuai untuk mengajar murid yang menghadapi pelbagai kekurangan. Kesediaan guru itu amat penting dan kaedah pengajaran itu seharusnya sesuai mengikut diri murid (Musaddin & Zulkifli, 2023). Justeru, elemen kecukupan bahan bantu mengajar tidak akan lengkap tanpa aplikasi teknologi yang sesuai, disertai dengan pemilihan kaedah pengajaran yang tepat.

KEPERLUAN TERHADAP PELAKSANAAN KAFA SECARA HOMESCHOOLING

Selain tahap penguasaan murid terhadap mata pelajaran KAFA, kajian ini turut menganalisis keperluan terhadap pelaksanaan KAFA secara *homeschooling*. Terdapat 27 item yang telah disenaraikan dalam konstruk ini.

Jadual 5: Taburan Kekerapan, Min, Sisihan Piawai dan Interpretasi Min Keperluan Terhadap Pelaksanaan KAFA Secara *Homeschooling* (n=86)

No.	Pernyataan	Kekerapan					Min	SP	Tahap
		STS	TS	TP	S	SS			
D1	Pelaksanaan KAFA secara	13 15.1%	25	19 22.1%	19	10	2.86	1.257	

	<i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika murid bergantung kepada bimbingan ibu bapa sepenuhnya (ibu bapa 100%)	29.1 %	22.1 %	11.6 %					Sederhana Rendah
D2	Pelaksanaan KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika murid belajar dengan bimbingan ibu bapa (ibu bapa 50%, murid 50%)	12 14%	16 18.6 %	22 25.6%	26 30.2 %	10 11.6 %	3.07	1.235	Sederhana Tinggi
D3	Pelaksanaan KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika murid belajar sendiri dengan sedikit bimbingan ibu bapa (ibu bapa 30%, murid 70%)	12 14%	26 30.2 %	19 22.1%	22 25.6 %	7 8.1%	2.84	1.197	Sederhana Rendah
D4	Pelaksanaan KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika murid belajar sendiri sepenuhnya (murid 100%)	28 32.6%	21 24.4 %	19 22.1%	12 14%	6 7%	2.38	1.266	Sederhana Rendah
D5	Bahan pembelajaran KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai dalam bentuk	19 22.1%	23 26.7 %	18 20.9%	20 23.3 %	6 7%	2.66	1.252	Sederhana Rendah

	bercetak sahaja.								
D6	Bahan pembelajaran KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai dalam bentuk elektronik sahaja	19 22.1%	37 43%	19 22.1%	9 10.5%	2 2.3%	2.28	1.002	Sederhana Rendah
D7	Bahan pembelajaran KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai dalam bentuk gabungan bercetak dan elektronik.	3 3.5%	7 8.1%	9 10.5%	37 43%	30 34.9%	3.98	1.051	Sederhana Tinggi
D8	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika diajar melalui Carta/Peta/Poster	3 3.5%	10 11.6%	12 14%	37 43%	24 27.9%	3.80	1.083	Sederhana Tinggi
D9	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika diajar melalui Buku teks	4 4.7%	6 7%	11 12.8%	41 47.7%	24 27.9%	3.87	1.049	Sederhana Tinggi
D10	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika diajar melalui Youtube	6 7%	10 11.6%	20 23.3%	35 40.7%	15 17.4%	3.50	1.125	Sederhana Tinggi
D11	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika diajar melalui Power Point	7 8.1%	10 11.6%	18 20.9%	35 40.7%	16 18.6%	3.50	1.166	Sederhana Tinggi

D12	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika diajar melalui Papan hitam /hijau/putih	6 7%	15 17.4 %	19 22.1%	33 38.4 %	13 15.1 %	3.37	1.148	Sederhana Tinggi
D13	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai jika diajar melalui Buku Aktiviti	4 4.7%	4 4.7%	9 10.5%	47 54.7 %	22 25.6 %	3.92	.985	Sederhana Tinggi
D14	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai menggunakan pendekatan Tasmi'	5 5.8%	8 9.3%	18 20.9%	35 40.7 %	20 23.3 %	3.66	1.113	Sederhana Tinggi
D15	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai menggunakan pendekatan Bercerita	5 5.8%	8 9.3%	16 18.6%	38 44.2 %	19 22.1 %	3.67	1.100	Sederhana Tinggi
D16	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai menggunakan pendekatan Soal jawab	5 5.8%	11 12.8 %	10 11.6%	37 43%	23 26.7 %	3.72	1.165	Sederhana Tinggi
D17	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai menggunakan pendekatan Tunjuk cara	5 5.8%	4 4.7%	12 14%	39 45.3 %	26 30.2 %	3.90	1.074	Sederhana Tinggi
D18	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai menggunakan pendekatan Simulasi	5 5.8%	8 9.3%	16 18.6%	35 40.7 %	22 25.6 %	3.71	1.126	Sederhana Tinggi

D19	KAFA secara <i>homeschooling</i> (Pendidikan di rumah) sesuai menggunakan pendekatan Latih tubi	4 4.7%	4 4.7%	12 14%	41 47.7%	25 29.1%	3.92	1.020	Sederhana Tinggi
D20	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran al-Quran.	6 7%	9 10.5%	14 16.3%	39 45.3%	18 20.9%	3.63	1.138	Sederhana Tinggi
D21	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran Ulum Syariah (Aqidah & Ibadah)	8 9.3%	15 17.4%	19 22.1%	37 43%	7 8.1%	3.23	1.124	Sederhana Tinggi
D22	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran Sirah	9 10.5%	14 16.3%	18 20.9%	38 44.2%	7 8.1%	3.23	1.145	Sederhana Tinggi
D23	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran Adab (Akhlak Islamiyah).	6 7%	13 15.1%	16 18.6%	41 47.7%	10 11.6%	3.42	1.100	Sederhana Tinggi
D24	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran Jawi & Khat	8 9.3%	15 17.4%	20 23.3%	35 40.7%	8 9.3%	3.23	1.134	Sederhana Tinggi

D25	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran Asas Lughatul Quran	8 9.3%	15 17.4%	21 24.4%	33 38.4%	9 10.5%	3.23	1.145	Sederhana Tinggi
D26	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran Penghayatan Cara Hidup Islam	5 5.8%	12 14%	13 15.1%	44 51.2%	12 14%	3.53	1.081	Sederhana Tinggi
D27	Saya selaku ibu bapa/ penjaga mampu mengajar anak/ anak jagaan saya mata pelajaran Amali Solat	3 3.5%	7 8.1%	10 11.6%	50 58.1%	16 18.6%	3.80	.956	Sederhana Tinggi
Keseluruhan							3.40	0.741	Sederhana Tinggi

Jadual 5 menunjukkan taburan kekerapan dan skor min bagi konstruk keperluan terhadap pelaksanaan KAFA secara *homeschooling* (n=86). Secara keseluruhan, dapatan kajian menunjukkan bahawa interpretasi skor min keseluruhan adalah pada tahap sederhana tinggi iaitu 3.40 dengan sisihan piawai 0.741. Merujuk kepada jadual 5, dapatan menunjukkan hampir keseluruhan item iaitu 22 daripada 27 item memperoleh skor min pada tahap sederhana tinggi, manakala item selebihnya adalah pada tahap sederhana rendah. Selain itu, dapatan menunjukkan item yang memperoleh min yang paling tinggi bagi konstruk ini ialah item D7 'Bahan pembelajaran KAFA secara *homeschooling* sesuai dalam bentuk gabungan bercetak dan elektronik' (M=3.98, SP=1.051) dengan peratus ibu bapa bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 77.9% (67 orang).

Manakala dapatan merekodkan item D6 iaitu 'Bahan pembelajaran KAFA secara *homeschooling* sesuai dalam bentuk elektronik sahaja' (Min = 2.28, SP = 1.002) memperoleh skor min paling rendah bagi konstruk keperluan terhadap pelaksanaan KAFA secara *homeschooling* dengan peratus ibu bapa bersetuju dan sangat bersetuju sebanyak 12.8% (11 orang) sahaja. Keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan konstruk keperluan terhadap pelaksanaan kelas KAFA secara *homeschooling* adalah berada pada tahap sederhana tinggi.

Dapatan kajian menjelaskan bahawa pelaksanaan KAFA secara *homeschooling* adalah sesuai dilaksanakan melalui gabungan bahan bantu pembelajaran bercetak dan elektronik, seperti buku aktiviti, buku teks, carta, peta dan poster, *Power Point*, *YouTube* serta papan hitam, hijau dan putih. Dapatan ini menyokong dapatan Othman & Kassim (2017) yang membincangkan amalan penggunaan BBM oleh guru Pendidikan Islam agar penyampaian PdP lebih menarik dan berkesan serta dapat memenuhi elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) meliputi penekanan terhadap buku teks, komputer *liquid crystal display* (LCD), papan putih dan kertas A4 di samping kertas edaran (kad manila), kertas mahjong, buku rujukan dan kad imbasan.

Selain itu, aplikasi penggunaan teknologi dalam PdP KAFA dapat melancarkan tugas guru serta boleh menarik minat murid selain mengembangkan lagi minda dan daya kreatif mereka (Mat Dan et al., 2023). Dapatan ini juga selari dengan kajian Alias et al. (2013) yang menyatakan bahawa penggunaan teknologi kini perlu dimanfaatkan dalam pendekatan pembelajaran di rumah bagi menghasilkan sebuah model pembelajaran yang efektif dan membantu murid dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka di rumah.

Manakala dari sudut pendekatan, kajian mendapati bahawa pelaksanaan KAFA secara *homeschooling* adalah sesuai dilaksanakan melalui pendekatan-pendekatan yang pelbagai seperti latih tubi, tunjuk cara, soal jawab, simulasi, bercerita dan pendekatan tasmī'. Kepelbagaian kaedah adalah mengambil kira faktor gaya pembelajaran murid yang berbeza-beza. Dapatan ini adalah menyokong kajian Yahaya et. al (2022) yang mencadangkan bahawa guru KAFA boleh menyediakan pendekatan PdP yang interaktif atau melibatkan dua hala (*two-way*) melibatkan video atau simulasi, demonstrasi secara maya, bercerita secara digital yang dapat menjadikan sesi PdP menarik serta memberi kefahaman yang lebih mendalam terhadap murid. Kaedah yang pelbagai dilaksanakan untuk melengkapi proses PdP terutamanya secara dua hala yakni antara guru dan murid seharusnya dapat memberi impak kepada mereka agar pada akhir pembelajaran, murid dapat menguasai sepenuhnya apa yang dipelajari (Musaddin & Zulkifli, 2023).

Dapatan juga menunjukkan bahawa tahap keyakinan ibu bapa untuk mengajar murid KAFA adalah pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini adalah selari dengan kajian Zaini et al. (2021) yang mendapati tahap kepercayaan ibu bapa dalam mendidik anak-anak semasa PdPR adalah tinggi, namun begitu dari sudut kesediaan dan pengalaman mereka, kajian menunjukkan aspek efikasi sendiri ibu bapa adalah pada tahap sederhana. Antara perkara yang menjadi cabaran kepada ibu bapa ialah penyediaan bahan, kemudahan, pengetahuan, kemahiran dan pengurusan keluarga semasa PdPR (Nordin et al., 2021). Dapatan ini juga disokong oleh kajian Atan et al. (2021) yang menyatakan bahawa kesediaan ibu bapa dalam menguruskan anak-anak sekolah rendah dalam aktiviti PdPR semasa Covid-19 adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor terutamanya personaliti individu, kualiti masa dan kemudahan teknologi (Atan et al., 2021).

Tambahan pula, penglibatan ibu bapa juga memainkan peranan yang amat penting dalam pembelajaran di rumah. Sungguhpun dapatan kajian menunjukkan

aras keyakinan ibu bapa untuk mengajar murid KAFA di rumah adalah pada tahap memuaskan, namun kajian Yusuf & Jamaludin (2022) membuktikan sebaliknya. Antara kekangan utama bagi ibu bapa adalah bebanan kesibukan kerja harian mereka yang menyebabkan mereka tidak dapat memantau dan mengawasi anak-anak secara langsung semasa sesi PdP anak-anak di rumah (Yusuf & Jamaludin, 2022; Atmojo & Nugroho, 2020). Hal ini boleh mengakibatkan proses PdP KAFA tergendala di rumah tanpa ibu bapa sebagai 'guru utama' bagi murid di rumah.

Oleh itu, pada masa hadapan, ibu bapa *homeschooling* perlu diberikan latihan khusus bagi menjalankan *homeschooling* terhadap anak-anak mereka untuk menghasilkan sesi PdP KAFA yang berkesan. Selain itu, ibu bapa juga perlu bersedia dengan perubahan penggunaan teknologi di rumah, agar proses PdP KAFA dapat dijalankan dengan lancar (Ibrahim et al., 2011). Penyelidikan lanjutan berkenaan dengan peranan ibu bapa serta kesediaan mereka dalam mengendalikan pembelajaran di rumah perlu digiatkan dalam usaha untuk meningkatkan keberhasilan pembelajaran KAFA di rumah.

KESIMPULAN

Dapatan kajian ini merupakan langkah pertama terhadap sebuah kajian pembangunan yang menyeluruh dan mendalam bagi memperkasa dan menambah baik proses pengajaran dan pembelajaran KAFA di Malaysia. Kajian ini telah menyenaraikan maklumat awal bagi melihat keperluan model *homeschooling* al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) bagi murid sekolah rendah. *Homeschooling* dilihat mampu menjadi sebuah pilihan pendidikan yang efektif untuk KAFA sekiranya ibu bapa menunjukkan komitmen, dedikasi dan perancangan yang baik dan mencukupi. Walau bagaimanapun, setiap ibu bapa perlu mempunyai sumber kurikulum dan sokongan yang tepat dalam menghasilkan sebuah pendidikan yang berkualiti. Berpandukan pendekatan yang betul, pelaksanaan pendidikan KAFA di rumah ini akan memberi kesan cemerlang dan menjadi sebuah alternatif yang bermanfaat untuk keluarga.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM) atas kelulusan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) FRGS/1/2021/SSI0/UNISZA/03/8 Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), melalui *Center for Research Excellence and Incubation Management* (CREIM) UniSZA dengan Tajuk "Pembangunan Model *Homeschooling* Kelas Al-Quran Dan Fardu Ain (KAFA) Bagi Kanak-Kanak Dari Golongan B40".

RUJUKAN

- Abdul Hadi, A. Z. S., Abd Latif, M. A. N. & Abdul Rahman, M. H. (2018). Computerized information visualizaton in empowering classess of religious class and Fardhu Ain JAKIM in primary school. *Sains Humanika*, 10(3-4), 79-86.
- Alias, N., Rahman, M. N. A., Siraj, Saedah, Ibrahim, R. (2013). A model of homeschooling based on technology in Malaysia. *The Malaysian Online Journal of Educational Technology*, 1(3), 10 - 16.
- Atan, N. S., Tonot, H., & Husin, N. (2021). Kesediaan ibu bapa terhadap pembelajaran maya pelajar sekolah rendah semasa krisis pandemik Covid-19. *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (8th IRMIC 2021)*, 277 - 287. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Atmojo, A. E. P., & Nugroho, A. (2020). EFL Classes must go online! Teaching activities and challenges during covid-19 pandemic in Indonesia. *Register Journal*, 13(1), 49-76.
- Che Ros, F. W., Arifin, Z. & Yahya, S. A. (2022). Tinjauan semasa tahap pemahaman dan penguasaan pelajar sekolah rendah KAFA: Prospek pembangunan bahan bantuan mengajar di era Revolusi Industri 4.0. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 5(1), 10-22.
- Hashim, R., Abd Rashid, A., Che Noh, A., Yahaya, M. Z., Ali, Z. & Hamzah, L. M. (2017). Laporan kajian penambahbaikan kurikulum kelas agama dan Fardu Ain (KAFA). Jawatankuasa Sukatan Pelajaran & Kurikulum, LEPAI, Bahagian Kemajuan Islam, JAKIM.
- Ibrahim, R., Baharin, Y., Indahsari, D., Siraj, Saedah & Alias, N. (2011) Jangkaan masa depan homeschooling di Malaysia dan impaknya terhadap kurikulum di Malaysia. *1st International Conference on World-Class Education 2011*. Universiti Malaya.
- Julhadi, Faizul & Dina, H. (2022). Homeschooling sebagai pendidikan alternatif. Tarbiyatul Aulad. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Anak*, 8(1), 101-117.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2018). *Laporan prestasi piagam pelanggan JAKIM*. Putrajaya.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2022). *Peraturan-peraturan pelaksanaan program kelas al-Quran dan Fardu Ain tahun 2022*. Putrajaya.
- Jamriy, Z. A. (2016). Strategi pengajaran pemulihan Jawi j-QAF di sekolah rendah Perak. Fakulti Sains Kemanusiaan Universiti Sultan Pendidikan Idris.
- Kim-Soon, N., Ahmad, A. R. Bin, Sulaiman, M. I. Bin, & Sirisa, N. M. X. (2015). Homeschool in Malaysia: A foresight study. *International Education Studies*, 8(10).
- Liono, R. A., Amanda, N., Pratiwi, A., & Gunawan, A. A. S. (2021). A Systematic Literature Review: Learning with Visual by The Help of Augmented Reality Helps Students Learn Better. *Procedia Computer Science*, 179, 144-152.
- Mat Dan, A., Salleh, F. & Kodik, H. (2023). Kesediaan guru KAFA terhadap penggunaan teknologi sebagai bahan bantu mengajar dalam pengajaran dan pembelajaran. *Selangor Humaniora Review*, 7(1), 63-75.

- Mahmud, & Ali. N. R. (2018). Membangun karakter anak dalam keluarga. *Jurnal Kajian dan Pengembangan Umat*, 1(1), 114-122.
- Mohamad Yusof, M. A., Wan Daud, W. A. A, Abdul Ghani, M. T., Abdul Rahman, A., Ismail, N. & Md Noor, M. L. A. H. (2023). The usability of Arabic-KAFA application for learning Arabic vocabulary at KAFA institution. *International Conference of Research on Language Education (I-Role 2023)*, 751-762. Universiti Teknologi MARA.
- Mohd Nor, M. A., Mohd Nawawi, M. Z., & Muhamad, N. (2021). The implementation of Al-Quran and Fardhu Ain (KAFA) class teacher teaching practices in teaching Tajweed Al-Quran in Kedah. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 11(1), 40-62.
- Mohd Shafie, B. H. & Talib, N. H. F. (2016). Persepsi guru kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Technical and Social Science Journal*, 6(1), 86-97.
- Musaddin, N. H., & Zulkifli, H. (2023). Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) teacher's teaching methods in teaching al-Qura'an recitation. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, 6(2), 16-27.
- Nordin, M. N., Iqbal, F., & Bajwa, R. S. (2021). Challenges of parents in the implementation of teaching process and facilitation at home during movement control order for Students with special needs with hearing impairment in Malaysia. *Psychology and Education*, 58(2), 9188-9193.
- Norhisham Muhammad, Azmil Hashim, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman & Fatin Ardani Zamri. (2019). Kaedah talaqqi musyafahah dalam pengajaran al-Quran wa al-Hifz kurikulum dini SABK di Perak. *International Journal of Education. Psychology and Counseling*, 4(32), 273-283.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory (2nd ed.)*. New York: McGraw Hill Company.
- Othman, M. S., & Kassim, A. Y. (2017). Amalan penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) menerusi pengintegrasian kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kalangan guru Pendidikan Islam sekolah rendah negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research*, 2(1), 1-14.
- Othman, M. S., Yusof, A. B., Setambah, M. A B., Shuib, T. R. & Abd Rahim, M. ML, (2023). Pelaksanaan gamifikasi kurikulum al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA). *Ilmi Journal*, 13, 1-14.
- Purwaningsih, N., & Fauziah, P. Y. (2020). Homeschooling: An alternative education based on potential of children. <https://doi.org/10.2991/assehr.k.200204.035>
- Rasdi, H., Kadir, A. R. A., Ismail, H., & Hamrie, F. (2016). Kekuatan pendidikan Kelas AL-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di bahagian Betong Sarawak. *Konferensi Antarabangsa Islam Borneo IX*, 1, 260-264. Pusat Penyelidikan dan Pengembangan Islam Borneo.
- Ray, B. D. (2000). Home schooling: The ameliorator of negative influences on learning?. *Peabody Journal of Education*, 75(1&2), 71-106.
- Richey, R.C. & Klien, J.D. (2007). *Design and development research: Method, strategies and issues*. London: Erlbaum.

- Shafie, B. H. M., & Talib. N. H. F. (2016). Persepsi guru kelas agama dan Fardhu Ain (KAFA) terhadap pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam. *Technical and Social Science Journal*, 6(1), 86-97.
- Umar, A., Pangilun, S., Hashim, I. Z., Basah, I. K., Abdul Fatah Pardon, M. K. (2016). Masalah pengurusan dan keperluan sekolah agama rakyat (SAR)/ kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) persendirian di Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Pengajian Islam*, 12, 136-161.
- Yahaya, A. M., Moidin, S., Yakob, M. A., Zakaria, H. B. & Abdullah, M. (2022). Model wakaf pendidikan kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) secara maya fasa pandemik Covid-19. *Sains Insani 2022, Special Issue*, 21-33.
- Yusuf, Y., Jamaludin, K. A. (2022). Cabaran perubahan pendekatan pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, ibu bapa dan murid semasa perintah kawalan pergerakan (PKP). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(3), 120-133.
- Zaini, Z. H., Damanhuri, Z., Ali, M. A. Z., Ibrahim, A. Z. (2021). Kesiediaan ibu bapa terhadap penglibatan dalam pengajaran dan pembelajaran di rumah (PdPR). *Jurnal Kesidang*, 6, 80-95.
- Zainol Abidin, R., Md Zain, A, & Hamzah, M. H. (2017). Permasalahan dalam pelaksanaan program kelas al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) di daerah Pendang Kedah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 2(6), 70-82.